

# 02

EDISI KEDUA



# GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

[www.kedah.uitm.edu.my](http://www.kedah.uitm.edu.my) JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



Kunjungan oleh  
Pro-Canselor UiTM  
YBHG. Tan Sri  
Dato' Seri Utama  
(DR) Arshad Ayub  
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018  
Art Meet Science  
Pensyarah FSSR pameran  
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK  
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok  
*Berwajah Baru*  
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

## SIDANG REDAKSI

Penasihat  
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor  
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor  
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik  
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit  
Galeri Seni Merbok

Jurugambar  
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

### PENULIS

Shuhaila Md Shahid  
Dr Faryna Mohd Khalis  
En Zaidi Yusoff  
Dr Nurul Ayn Sayuti  
En Abdullah Kula  
Dr Shafila Subri

Cetakan  
Perpustakaan Sultan Badlishah



## SAMBUTAN HARI RAYA

### *Aidilfitri Grafik*

di Rumah Anak Yatim Miskin Kg Che Bema Sg Layar

oleh : Faryna Mohd Khalis



Pada 11 Julai 2018 yang lalu Kelab Grafik telah menjalankan program khidmat masyarakat dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Rumah Anak Yatim Miskin Kg Che Bema Sg Layar. Program ini juga merupakan amanah untuk menunaikan hajat arwah yang ingin menjamu anak yatim. Sambutan turut dimeriahkan oleh Pusat Tahfiz Merbok Kedah. Lebih kurang sepuluh pelajar wakil daripada Kelab Grafik di bawah bimbingan penasihat Dr Faryna Mohd Khalis telah meraikan anak-anak yatim dan tahfiz selepas solat zohor. Selain jamuan makan, mereka juga dihiburkan dengan beberapa aktiviti dan permainan. Majlis kemudian diakhiri dengan pemberian hamper dan duit raya kepada semua pelajar yang menghuni rumah anak yatim tersebut dan juga tahfiz yang sama-sama meraikan sambutan hari raya aidilfitri tersebut. Turut serta dalam program ini adalah koordinator kursus grafik iaitu Cik Syahrini Shawalludin dan Dr Neesa Ameerah Mohamed Salim selaku pensyarah pengiring.

